

BERITA ONLINE  
BERITA HARIAN  
TARIKH: 16 FEBRUARI 2022 (RABU)



## 146,486 laporan mutu air dikeluarkan sepanjang 2021

Oleh [Latifah Arifin](#) - Februari 16, 2022 @ 5:24pm  
[latifah@bh.com.my](mailto:latifah@bh.com.my)



KUALA LUMPUR: Sebanyak 146,486 laporan bagi pemantauan Program Pengawasan Kawalan Mutu Air Minuman Kebangsaan (KMAM) dikeluarkan Jabatan Kimia Malaysia (KIMIA Malaysia) kepada Kementerian Kesihatan (KKM) sepanjang tahun lalu.

Kementerian Sains Teknologi dan Inovasi dalam satu kenyataan, hari ini, berkata, laporan bermula 4 Januari hingga 31 Disember 2021 itu penting untuk kerajaan, khususnya KKM dalam usaha meningkatkan taraf kesihatan orang ramai.

Ia selaras dengan garis panduan dikeluarkan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) bagi membekalkan air yang bersih, selamat dan berkualiti kepada pengguna.

Menterinya, Datuk Sri Dr Adham Baba, berkata laporan yang dikeluarkan merangkumi analisis air mikrobiologi dan analisis air kimia.

"Keputusan analisis perlu bagi memastikan air minuman yang dibekalkan kepada rakyat adalah selamat dan bebas dari penyakit bawaan air yang boleh membahayakan kesihatan serta memastikan kandungan bakteria dan kimia mematuhi piawaian ditetapkan," katanya.

Dalam tempoh berkenaan, KIMIA Malaysia mengeluarkan laporan mengikut negeri/cawangannya dengan jumlah laporan tertinggi membabitkan ibu pejabatnya di Petaling Jaya yang merekodkan 34,101 laporan, diikuti Johor dengan 22,282 dan Perak (15,702).

MOSTI dalam kenyataan sama turut memaklumkan, Inspektor Kesihatan dari KKM akan membuat persampelan mengikut prosedur ditetapkan di loji syarikat pembekal air di seluruh negara mengikut jadual persampelan.

"Laporan ini turut dimanfaatkan oleh beberapa syarikat pembekal air seperti Pengurusan Air Selangor, Syarikat Air Negeri Sembilan, Syarikat Air Kelantan dan lain-lain.

"Kerja-kerja analisis bagi kes pemantauan ini tetap diteruskan oleh KIMIA Malaysia sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) akibat pandemik COVID-19 tahun lalu, memandangkan analisis ini adalah perkhidmatan perlu jabatan demi menjamin kesejahteraan dan kelangsungan hidup Keluarga Malaysia," katanya.